

PM syor China guna pasaran sosialis

BH 12 MAY 1994

MAHATHIR OORASAS.

Daripada A Nazri Abdullah

BEIJING, Rabu — Sistem ekonomi pasaran sosialis adalah jawapan kepada keperluan politik dan ekonomi Republik Rakyat China, demikian pendapat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, kata beliau, sistem itu tidak mudah dilaksanakan kerana usaha meratakan pembahagian kekayaan melalui ekonomi pasaran lebih sukar daripada penyamarataan kemiskinan melalui ekonomi terkawal.

"Banyak masalah politik akan muncul dan kemungkinan juga akan berlaku huru-hara dan pertumpahan darah.

"Bagaimanapun, China dapat menangani cabaran ini lebih baik daripada Russia dan Yugoslavia," kata Dr Mahathir.

Berucap di Sidang Puncak China 1994, di sini, hari ini, Dr Mahathir mengalu-alukan langkah China yang tidak terburu-buru melaksanakan perubahan politik dan ekonomi secara radikal.

"Pertuakaran ekonomi terkawal kepada ekonomi pasaran memerlukan masa. Suasana anarki tidak akan membantu pertumbuhan pasaran bebas. "China memerlukan kerajaan yang kuat seperti hari ini. Mungkin agak autoritarian, tetapi lebih baik daripada anarki.

"Kerajaan yang kuat dapat menjamin masa depan yang boleh dijangka dan ini penting bagi perniagaan, terutamanya perniagaan besar yang memerlukan masa yang lebih panjang untuk menikmati keuntungan," katanya.

Menurut Dr Mahathir,

kecuali Hong Kong, negara Asia Timur yang lain iaitu Malaysia, Jepun, Taiwan, Thailand, Singapura, Indonesia dan Republik Korea menolak sistem kapitalis *laissez faire* sebaliknya melaksanakan perancangan pusat yang bersifat sosialistik.

Perdana Menteri berpendapat, ekonomi pasaran yang terlampau bebas boleh melahirkan kegiatan monopoli dan kartel dan hanya kerajaan yang boleh mengawal dan menyekat kegiatan ini daripada berlaku.

Sidang Puncak China 1994 dianjurkan oleh International Herald Tribune.

Selain Dr Mahathir, pemimpin lain yang berucap termasuklah bekas Canselor Jerman, Helmut Schnidt, Pengurus Besar Gatt, Peter D Sutherland dan Pengarah Urusan Bank Dunia, Ernest Stern.

Ucapan Dr Mahathir yang bertajuk "Ekonomi Pasaran Sosialis China: Perspektif Asean," turut mengkritik sikap Barat yang mahu mengenakan pengaruh dan tekanan ke atas negara membangun.

Katanya, China tidak terkecuali daripada tekanan ini kerana sudah ada pihak yang mahukan China mengikuti sistem dandilai yang dicipta orang lain.

Berdasarkan pengalaman Malaysia, Dr Mahathir mengingatkan China bahawa taktik negara demokrasi Barat yang menggunakan isu hak asasi manusia, alam sekitar dan kini tahap gaji minimum pekerja untuk menyekat negara membangun daripada maju dan setanding dengan Barat.

"Demokrasi bukanlah konsep yang sempurna. Di kalangan demokrat liberal di Barat pun mereka berbeza pendapat mengenai demokrasi. Ada yang berpendapat memiliki senapang sebagai hak dasar, berbohong sebagai hak mutlak.

"Ada pula mahu mengenakan kawalan terhadap perilaku individu di khalayak umum sementara yang lain masih teragak-agak untuk menghalalkan perkahwinan homoseks.

"Apa yang mereka setuju dan sependapat ialah apa yang mereka lakukan atau tidak lakukan adalah demokratik dan orang lain yang tidak setuju dengan mereka adalah tidak demokratik," katanya.

Tekanan ini, menurut Dr Mahathir menyebabkan tugas memaju dan mentadbir negara membangun menjadi bertambah sukar.

Katanya, negara Asia Timur percaya dengan sistem demokrasi tetapi pada masa yang sama mereka mahukan kerajaan yang kuat untuk membangunkan negara mereka.

"Demokrasi liberal di negara Barat tidak boleh melahirkan kejayaan yang kuat dan stabil. Ada negara yang bertukar kerajaan setiap tahun. Ada kerajaan yang ghairah mengekalkan kuasa daripada mewujudkan kerajaan yang baik untuk rakyat," katanya.

Bagaimanapun, ini tidak bermakna negara di Asia Timur tidak demokratik, keras kepala dan degil seperti tuduhan yang pernah dilemparkan kepada Malaysia ketika melaksanakan Dasar Ekonomi Barunya di tahun 1970-an dan 1980-an.